

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Usaha mengembali serta meningkatkan keyakinan pelabur bagi jangka panjang perlu diberi perhatian bagi memastikan kestabilan ringgit yang terkesan disebabkan kejatuhan harga minyak global.

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari, berkata kestabilan dan konsistensi dasar ekonomi turut memainkan peranan penting.

Beliau berkata, ini disebabkan ruang untuk mengawal ringgit oleh Bank Negara Malaysia (BNM) kini amat terhad dan dalam keadaan ekonomi semasa, langkah tambatan ring-

Langkah tambatan ringgit seperti yang dilaksanakan ketika krisis 1997 sama sekali tidak relevan.

Mohd Yusof Saari,
Pensyarah Kanan
Sekolah Perniagaan
dan Ekonomi UPM

Tingkat keyakinan pelabur jamin kestabilan ringgit

Harga minyak, urus tadbir negara pengaruhi nilai mata wang

git seperti yang dilaksanakan ketika krisis 1997 sama sekali tidak relevan.

"Urus tadbir negara dan beberapa isu negatif lain mungkin mempengaruhi persepsi pelabur luar terhadap pasaran ringgit.

"Pergerakan harga minyak mentah dunia mempengaruhi ringgit. Sebelum ini jika harga minyak naik atau turun, nilai ringgit cenderung untuk naik atau turun.

"Namun, kini aliran menunjukkan pergerakan harga minyak mentah tidak lagi mempengaruhi kadar tukaran ringgit. Ada faktor lain yang mempengaruhi tukaran ringgit, selain harga minyak mentah," katanya kepada BH.

Ahli Ekonomi MIDF Research, Zafri Zulkeffeli pula berkata, BNM dijangka meneruskan dasar pergerakan bebas ringgit dan tidak mengikat atau mengawal mata wang tempatan itu pada kadar tertentu.

Beliau berkata, pergerakan bebas ringgit penting untuk memberi ruang kepada pemuliharaan eksport.

"Nilai ringgit yang rendah menggalakkan pertumbuhan eksport khususnya untuk industri yang berdagang atas nilai mata wang asing.

"Malaysia sebagai pengeksport minyak amat memberi kesan kepada pergerakan ringgit. Nilai ringgit dilihat menyusut berbanding kadar dicatatkan pada minggu lalu.

"Namun, kadar ringgit terus kekal di atas paras RM4.35 berbanding dolar AS akibat keadaan makro ekonomi global yang tidak stabil.

"Kejatuhan harga minyak menambah beban permintaan global untuk pulih," katanya.

Zafri berkata, kejatuhan harga minyak global menyebabkan pendapatan negara menurun dan akan mengganggu perancangan perbelanjaan kerajaan.

Namun, pada masa sama tegasnya, harga minyak runcit bakal turun dan mampu menurunkan kadar inflasi selain membantu perbelanjaan domestik.

Sementara itu, Prof Adjung Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Dr Zaharuddin Abd Rahman, berkata kejatuhan harga minyak global memberi kesan kepada ringgit kerana pasaran komoditi bertindak balas secara positif atau negatif terhadap pasaran kewangan.

Beliau berkata, terdapat hubungan kait di antara kejatuhan harga minyak dunia dengan potensi kejatuhan nilai ringgit akibat pelabur akan melepaskan pegangan ringgit mereka dan pergi ke pasaran yang lebih kukuh.

"Kesan ini dijangka akan dirasai oleh semua negara pengeluar minyak. Ini khususnya apabila kebergantungan Malaysia terhadap minyak masih agak besar.

"Pendapatan tahunan yang diterima oleh negara daripada sektor minyak adalah 35 per-



Kejatuhan harga minyak global menyebabkan pendapatan negara menurun dan akan mengganggu perancangan perbelanjaan kerajaan.

Zafri Zulkeffeli,
Ahli Ekonomi MIDF Research

tus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), manakala hasil dari cukai pendapatan adalah 42 peratus.

"Malaysia akan kehilangan hasil sekitar RM300 juta bagi setiap penurunan AS\$1 harga minyak Brent," katanya.

